

04 JUL 2001

Sukan-F1 (Alex)

ALEX MULAKAN UJIAN MEMANDU F1 DENGAN MINARDI

KUALA LUMPUR, 4 Julai (Bernama) -- Bintang harapan Formula One Malaysia Alex Yoong memulakan ujian selama tiga harinya bersama pasukan F1 Minardi dari Eropah di Mugello, Itali hari ini.

Semalam, pelumba Malaysia berusia 24 tahun itu berada di kilang Minardi di Faenza, satu jam perjalanan dari trek Mugello, bagi mengambil ujian penilaian kesihatan dan penyesuaian tempat duduk.

"Saya duduk dalam kereta Formula 1 buat pertama kalinya semalam bagi menyesuaikan tempat duduk saya. Saya berharap dapat memandunya esok. Saya harap dapat melakukan seberapa banyak pusingan yang boleh bagi meningkatkan keupayaan saya di bahagian selekoh.

"Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Minardi bagi peluang ini serta sokongan yang banyak diterima daripada kerajaan Malaysia. Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Hussein banyak memberi dorongan kepada saya," kata Alex dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini hari ini.

Jika semuanya berjalan lancar, Alex akan memperolehi lesen super Persekutuan Automobol Antarabangsa (FIA) yang beliau telah pohon dua minggu lepas.

Beliau akan dinilai bukan sahaja oleh kakitangan FIA tetapi juga oleh pasukan Minardi.

Setakat ini, Alex mungkin akan memulakan perlumbaan F1 sulungnya seawal di Hungary bulan depan dan kemungkinan tidak lewat daripada Grand Prix Indianapolis di Amerika Syarikat pada September.

Sesi hari ini ialah penyesuaian tempat duduk, penyesuaian kereta dan pemerhatian manakala esok beliau akan mendapat peluang pertama memandu kereta PS01 Minardi Eropah.

Pengurusnya Simon Munger berkata Alex telah lulus ujian kesihatan fizikal dengan cemerlang walaupun baru tiba dari Jepun selepas menyertai Pusingan Kelima kejohanan Formula Nippon pada Ahad.

"Saya gembira kerana Minardi memutuskan bahawa pada hari pertama di Mugello beliau hanya belajar mengenai prosedur serta membiasakan diri dengan peralatan kereta itu sebelum mula memandu esok," katanya.

Alex dijadual akan menghadiri sesi ujian lanjut di Monza pada 18-19 Julai, Verano pada 20 Julai, Mugello pada 21-24 Ogos dan 4-6 Sept serta di Verano sekali lagi pada 18-19 Sept.

-- BERNAMA

HRS MAM RHM